

PEKELILING PENDAFTAR

Tarikh: 6 Oktober 2021

Bil. 03/2021

Ruj:(67)dIm.UNISEL/PP/01.05 Jld.I

PINDAAN BUKU PERATURAN AKADEMIK, EDISI KEEMPAT, CETAKAN PERTAMA, APRIL 2020: PENAMBAHAN STATUS PENGAJIAN “GUGUR DIRI [WITHDRAW]”

1.0 TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan Pindaan Buku Peraturan Akademik: Edisi Keempat, April 2020 berkaitan Bahagian 11.0: Status Pengajian.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Perkara 14.1.3, Bahagian 14.0 : Peruntukan-peruntukan Am, memperuntukkan bahawa Senat berhak meminda peraturan akademik dari semasa ke semasa.
- 2.2 Semakan semula dan penambahbaikan sentiasa perlu dilakukan bertujuan memantapkan peraturan akademik yang diguna pakai seiring dengan perubahan semasa dan keperluan masa hadapan.

3.0 PENAMBAHAN BUKU PERATURAN AKADEMIK

- 2.1 Mesyuarat Senat Kali Ke-198 (Bil.08/2021) bertarikh 25 Ogos 2021 telah meluluskan penambahan Perkara 11.11, Bahagian 11.0 Status Pengajian, dalam Buku Peraturan Akademik, Edisi Keempat, Cetakan Pertama, April 2020 seperti berikut:

“11.0 STATUS PENGAJIAN

11.11 Gugur Diri [Withdraw]

- 11.11.1 Pelajar yang tidak menduduki peperiksaan akhir disebabkan tunggakan yuran pengajian bagi keseluruhan kursus yang diambil untuk semester tersebut;
- 11.11.2 Pelajar yang diberikan status Gugur Diri akan dikenakan yuran pengajian penuh bagi setiap kursus yang diambil.

4.0 TEMPOH KUAT KUASA


- 4.1 Penambahan Perkara 11.11, Bahagian 11.0 Status Pengajian dalam Buku Peraturan Akademik, Edisi Keempat, Cetakan Pertama, April 2020 ini adalah **berkuat kuasa mulai Semester Julai/Ogos 2021** kepada semua pelajar baharu dan semasa.
- 4.2 Semua fakulti/pusat pengajian/sekolah/jabatan hendaklah mematuhi dan melaksanakan arahan seperti yang tertakluk kepada Pekeliling Pendaftar Bil.03/2021 ini.
- 4.3 Dengan berkuat kuasanya pekeling ini, mana-mana pekeling atau peraturan terdahulu serta pindaan-pindaan setakat mana yang bercanggah adalah terbatal.

Sekian, harap maklum.

Terima kasih.

'PENERAJU TRANSFORMASI'

Yang benar


HAJAH ROKMAA BINTI HAJI MAT
Pendaftar

S.k : YBhg. Dato' Presiden & Naib Canselor
: Naib Presiden & Timbalan Naib Canselor (Akademik, Penyelidikan & Jaringan Industri)
: Naib Presiden & Timbalan Naib Canselor (Pentadbiran, Perancangan & Jaringan Global)
: Bendahari